



**PEJABAT MUFTI  
NEGERI SARAWAK**

JILID 1/2012

# at-tibyan

# **“ FATWA DIJUNJUNG UMMAH DISANJUNG ”**

# Az-Ziyarah... Mufti Dekati Ummah

- Fatwa Yang Telah Diwartakan
  - Penjelasan Hukum
  - Penyingkap Hukum
  - Fenomena Bayang Matahari Searah Kiblat  
(Istiwa' Matahari)

# sidang redaksi

## PENASIHAT

Sahibus Samahah Tuan Haji Kipli Bin Haji Yassin

## KETUA EDITOR

Ustaz Mual Bin Haji Suaud

## EDITOR

Ustaz Haji Mohd Ibrahim Bin Haji Usop

## SUB-EDITOR & PRUF

Ustaz Haji Mohammad Syarifuddin Bin Abdul Kadir

Ustaz Razalle Bin Haji Hussaini

Ustaz Haji Faizal Bin Abdullah

Ustazah Radiyah Bt Affandi

Ustazah Norsinah Bt Tompeng

Ustazah Razimah Bt Ahmad

Puan Dzuridah Bt Haji Sariee

Puan Hasnah Bt Haji Morsidi

Puan Noor Haslina Bt Haji Sudin

## KONSEP & LAYOUT

Ustaz Abdul Karim Bin Drahman

Ustaz Haji Mohammad Fauzi Bin Hairani

Ustazah Dalima Bt Bujang

Puan Surina Bt Mustapha

## KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN

Ustaz Haji Ahmad Zambri Shah Bin Mohd Jeman

En. Othman Bin Let

En. Awg Zaim Hamidi Bin Wahidi

## FOTOGRAFI

Ustaz Abdul Karim Bin Drahman

Ustaz Mohamad Ujian Bin Seman

## CETAKAN / REKABENTUK

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,

Jalan Tun Abang Haji Openg,

93554 Kuching Sarawak.

Tel. : 082-241131 Faks : 082-412005

## kandungan

**3** Sekapur Sireh

**4** Seulas Pinang

**5** Pembuka Bicara

**6 - 8** Wawancara Bersama Sahibus Samahah, Mufti Negeri Sarawak;

**9** Tak Kenal Maka Tak Cinta

**10 - 12** Fatwa Yang Telah Diwartakan

**13** Penjelasan Hukum

**14 - 15** Penyingkap Hukum

**16 - 17** AzZiyarah Mufti

**18** Cerapan Hilal

**19** Kursus Falak Syarie 2011

**20** Bengkel Penulisan

**21** Sejiwa Senada

**22** Hari Inovasi & Integriti

**23** Berbuka Puasa & Solat Sunat Terawih / Ramah Tamah

**24 - 25** Fenomena Bayang Matahari Searah Kiblat (Istiwa' Matahari)

**26 - 27** Halalan Toyyiba Dalam Kehidupan

**28** Nukilan Tinta

**29** Setulus Hati

**30** Buku-buku terbitan PMNS

# Sekapur Sireh...



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah SWT atas limpahan kurniaNya maka kita dapat merealisasikan penerbitan majalah At-Tibyan oleh Pejabat Mufti Negeri Sarawak buat julung kalinya melalui keluaran sulung ini. Saya mengambil kesempatan mengucap tahniah dan syabas kepada warga kerja majalah At-Tibyan di atas usaha dan kesungguhan mereka dalam menghasilkan majalah ini.

Kita sedia maklum, dalam kecanggihan teknologi maklumat hari ini, masyarakat kita amat mudah terdedah dengan maklumat-maklumat sama ada yang memberi kesan positif atau negatif. Dengan terbitnya majalah At-Tibyan ini, masyarakat Islam khasnya, akan dapat menerima dan mengetahui maklumat-maklumat yang benar, tepat dan dapat memberi kesan positif kepada mereka. Ianya juga diharap dapat menjadi sebagai pengimbang dan memeriahkan bidang penyampaian maklumat.

Kita juga menyeru agar masyarakat Islam tahu menilai dan memilih maklumat yang benar dan boleh memberi kesan positif terutama dalam soal yang berkaitan dengan hukum Islam supaya tidak terjebak dan terpengaruh dengan maklumat-maklumat yang cuba mengeliru dan merosakkan akidah umat Islam serta menjadi panduan dan pegangan dalam menunaikan amanah sebagai 'ibadullah.

Akhir kata, kepada warga kerja At-Tibyan dan Pejabat Mufti Negeri Sarawak, saya berkeyakinan penerbitan majalah ini akan menjadi satu wadah yang amat penting dalam menyemarakkan dakwah di bumi tercinta ini. Teruskan usaha, yang pasti Allah SWT beserta orang-orang yang ikhlas dan gigih dalam menyampaikan kebenaran dan kebaikan.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

**YANG BERHORMAT DATUK IR. HAJI DAUD BIN ABDUL RAHMAN**

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) dan Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur Sarawak

# Seulas Pinang...



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Alhamdulillah, segala pujian hanya untuk Allah SWT yang telah mengurniakan kekuatan kepada manusia untuk menempuh cabaran hidup dalam dunia. Tahniah dan syabas kepada warga kerja majalah At-Tibyan sehingga idea untuk menghasilkan majalah Pejabat Mufti Negeri Sarawak terjelema dan direalisasikan penerbitannya melalui keluaran sulung ini.

Dalam dunia yang serba canggih pada hari ini, mesej dan maklumat amat mudah tersebar dan sampai kepada kumpulan sasaran dalam sekilip mata. Peluang ini patut direbut dalam usaha menyemarakkan dan mempelbagaikan teknik dakwah serta menyampaikan informasi tentang Islam. Usaha penerbitan majalah At-Tibyan mungkin terlalu kecil ruang lingkup liputannya tetapi ianya sebagai batu loncatan dan merebut peluang dan ruang dakwah melalui media serta menambah koleksi penerbitan berunsur Islam.

Apa yang kita harapkan, ianya akan dapat memberi maklumat yang tepat kepada masyarakat tentang kegiatan Pejabat Mufti Negeri Sarawak yang sememangnya bertanggungjawab menjelaskan hukum Syarak berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Apa yang penting impaknya kepada masyarakat bagi mengembalikan maruah umat Islam yang sememangnya tercalar dek tingkah laku kita sendiri. Natijahnya, umat Islam akan kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar sebagaimana disampaikan oleh Rasulullah SAW.

Akhirnya saya menyeru, teruskan usaha ini tanpa ada rasa jemu kerana kita telah diamanahkan untuk menyampaikan mesej dakwah dan Allah SWT sahajalah yang akan membalaunya. Apa yang kita semua harapkan, Pejabat Mufti Negeri Sarawak akan sentiasa menjadi wadah masyarakat Islam membuat rujukan.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

**SAHIBUS SAMAHAH TUAN HAJI KIPLI BIN HAJI YASSIN**  
Mufti Negeri Sarawak

# Pembuka Bicara...


2012/1433H, lambaran baru tercipta disebalik ujian dan rintangan yang dihadapi, berkat kesabaran dan dedikasi warga, dengan taufik dan petunjuk Ilahi maka terbitnya Majalah At-Tibyan terbitan Pejabat Mufti Negeri Sarawak pada hari ini. Kesyukuran yang tidak terhingga dan ternilai dirafakkan kepada Allah s.w.t. di atas segala nikmat yang diberi.

Sesungguhnya, kami mengharapkan majalah ini walaupun tidak sebesar mana sebagai penyambung lisan para anbiya' untuk meneruskan tradisi kecemerlangan ilmu di kalangan umat Islam, menjelaskan hukum-hukum yang sahih dan tepat berdasarkan dalil dari Al-Quran Dan Hadith sebagai petunjuk dan panduan dalam kehidupan serta memberi rahmat kepada seluruh ummah bertepatan dengan namanya 'At-Tibyan' yang bermaksud penjelasan.

Terbitnya majalah ini atas cetusan idea dan inspirasi Sahibus Samahah, Mufti Negeri Sarawak untuk mengangkat martabat Pejabat Mufti Negeri Sarawak yang unggul dalam membentuk masyarakat Islam yang berilmu dan mengetahui hukum-hukum Islam sesuai dengan visi, "Pejabat Mufti Negeri Sarawak bertekad dan berusaha menjadi sebuah organisasi yang berwibawa sebagai sumber ilmu dan rujukan beteraskan Al-Quran dan As-Sunnah".

Semoga keluaran sulung ini dapat bertakhta di hati pembaca. Kami amat mengalu-alukan sebarang komen dan kritikan yang membina. Ianya dapat dijadikan panduan untuk kami membuat penambahbaikan pada keluaran-keluaran yang mendatang dan bersama-sama menyumbang ke arah kecemerlangan ummah dan negara.

Akhir kata, selamat membaca, sesungguhnya membaca adalah jambatan ilmu dan kecemerlangan dunia dan akhirat, dan pihak kami komited meneruskan tradisi ini.

  
**MUAL BIN HAJI SUAUD**  
Ketua Editor



# Wawancara...

## Sahibus Samahah Tuan Haji Kipli Bin Haji Yassin Mufti Negeri Sarawak

OLEH : USTAZ RAZALIE BIN HAJI HUSSAINI

At-Tibyan: Awalnya Majalah At-Tibyan Pejabat Mufti Negeri Sarawak (PMNS) mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah atas perlantikan SS Mufti Tuan Haji Kipli Bin Haji Yassin sebagai mufti Kerajaan Negeri Sarawak serta ucapan terima kasih atas kesudian SS Mufti meluangkan masa untuk temubual ini. Seperti yang kita sedia maklum, SS Mufti pernah berkhidmat di agensi kerajaan seperti JAIS sebagai Ketua Penolong Pengarah, di Jabatan Ketua Menteri dan di PMNS sendiri sebagai Ketua Penolong Mufti, atas pengalaman tersebut, boleh SS Mufti ceritakan dengan ringkas pengalaman-pengalaman tersebut?

Alhamdulillah, syukur pada Allah SWT kerana majalah At-Tibyan dapat diterbitkan untuk disampaikan kepada masyarakat.

Pengalaman bekerja di agensi-agensi kerajaan sangat berharga yang telah mematangkan diri saya sendiri dan juga memberi pengalaman dan pendedahan yang begitu banyak terutama dalam menguruskan hal ehwal Islam di Negeri Sarawak, seperti kita maklum, suasana dan keadaan di Sarawak berbeza dengan negeri-negeri di Semenanjung kerana, dari sudut kedatangan dan perkembangan Islam itu sendiri, agak lewat datang ke Sarawak, jumlah umat Islam yang minoriti, dari sudut keluasan negeri Sarawak. Dalam urusan mentadbir hal ehwal Islam memang banyak cabaran, pengalaman lebih kurang 16 tahun berkhidmat dalam Kerajaan Negeri Sarawak mematangkan saya dalam membuat keputusan, pengurusan, berdakwah dan menyelesaikan masalah-masalah. Melihat

pengalaman-pengalaman ini dan telah membuka syarikat sendiri, terlibat secara langsung dalam keusahawanan, terdedah kepada golongan yang pelbagai dan juga pendekatan yang berbeza apabila berada di dunia korporat, dengan adanya pendedahan seumpama ini, selain ilmu yang ada, kita dapat menterjemahkan dan mengaplikasikan ilmu itu dalam bentuk yang lebih praktikal dan ingin ilmu itu disampaikan dengan cara yang lebih berkesan dan sangat relevan dengan perkembangan semasa khususnya di Negeri Sarawak.

tersebut tentunya banyak perkara penting yang SS Mufti laksanakan dalam mentransformasikan PMNS ke arah yang lebih berdaya saing, terkehadapan dan sebagainya, apakah antara perkara-perkara penting yang menjadi keutamaan SS Mufti dalam usaha tersebut?

Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak atas kepercayaan untuk melantik saya sebagai Mufti Negeri Sarawak sejak tahun 2010. Apabila dilantik, ini adalah satu amanah sangat besar dari Allah dan kepercayaan dari kerajaan negeri untuk memegang satu jawatan yang tinggi dalam hal ehwal Islam, ini adalah satu cabaran dan dugaan untuk menilai sejauh mana kita menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi. Saya mempunyai wawasan yang sangat tinggi untuk melihat PMNS dapat memainkan peranannya dengan cara yang lebih terkehadapan dan sangat proaktif terutama dalam berbicara soal hukum hakam. Antara langkah-langkah ialah:

1. Susun semula struktur PMNS itu sendiri selain daripada menambah unit, pengisian jawatan dengan lebih cepat atas kelulusan kerajaan. Ini telah berlaku sekarang.
2. Bila melihat kepada perkembangan semasa, selain menggunakan kaedah lama, masyarakat sekarang sangat dahagakan ilmu dan penjelasan-penjelasan hukum melalui kaedah/wasilah/media yang pelbagai. Mulai tahun 2011 bila melihat penggunaan internet berkembang maju, PMNS telah mengembangkan satu peringkat lagi dalam laman sesawang yang lebih

***“Dalam urusan  
mentadbir hal ehwal  
Islam memang  
banyak cabaran,  
pengalaman  
lebih kurang 16  
tahun berkhidmat  
dalam Kerajaan  
Negeri Sarawak  
mematangkan saya  
dalam membuat  
keputusan,  
pengurusan,  
berdakwah dan  
menyelesaikan  
masalah-masalah.”***

At-Tibyan: Sudah genap dua tahun SS Mufti menerajui PMNS sebagai Mufti Negeri Sarawak, selama tempoh

mesra pengguna di mana diwujudkan pertanyaan secara online melalui e-kemusyikan. Kaedah ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan berbanding dengan penggunaan telefon. Kaedah telefon telah kurang penggunaannya. Selain itu penggunaan media lain seperti Slot Bersama Mufti di Sarawak FM, dengan menggunakan ruang itu selain bentuk soal jawab, ia juga untuk menyebarluaskan keputusan-keputusan fatwa yang telah diputuskan dan penjelasan hukum yg telah dibuat oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak. Menambah bahan-bahan terbitan PMNS khususnya dalam menyampaikan keputusan-keputusan hukum.

3. Sangat menggalakkan pegawai serta Mufti sendiri supaya lebih banyak turun padang untuk bersama dengan masyarakat terutama di kawasan pedalaman. Alhamdulillah program yang telah dirangka dan telahpun dijalankan dan sedang dijalankan iaitu :

- a. Az-Ziyarah: Ziarah mufti bersama masyarakat. Mufti bersama pegawai akan pergi ke surau/masjid terutama di pedalaman untuk menyampaikan perkara yang berkaitan dengan Islam itu sendiri dan membuka ruang kepada penduduk kampung untuk berdialog dan berosal jawab. Sambutan masyarakat sangat menggalakkan dan di luar dugaan.
- b. At-Tibyan: Hanya pegawai-pegawai PMNS bersama masyarakat (tanpa Mufti). Fokus menyampaikan keputusan-keputusan hukum oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak dan yang telah di sahkan oleh MIS. Penyampaian dengan lebih efektif dan jelas kenapa keputusan-keputusan itu dibuat.

4. Program Tafaqquh/ Hands on Pegawai-

***“...saya menggalakkan pegawai membuat penyelidikan sendiri dan melawat ke kawasan-kawasan umat Islam supaya dapat menemui, terokai apa masalah masyarakat Islam terutama yang berkaitan dengan hukum hakam...”***

pegawai PMNS – ilmu-ilmu asas/kemahiran mengistinbath hukum dengan kemahiran lebih melihat keadaan semasa. Asas hukum tetap dipelihara, namun pegawai harus perlu memahami dari sudut dakwah. Menyampaikan hukum dari sudut dakwah perlu diberi perhatian agar penyampaian keputusan-keputusan hukum dengan hikmah supaya masyarakat Islam khususnya untuk memahami keputusan-keputusan hukum tersebut.

5. Pembangunan dalam mengaplikasikan pengurusan yang lebih cekap seperti penerbitan Kod Etika PMNS untuk kakitangan selain daripada pekeliling dan perintah am agar lebih maju dan cekap dari sudut kesetiaan kepada majikan mereka. Budaya 5S diperkenalkan agar staff tidak ketinggalan dalam membudayakan pengurusan yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Sarawak.

**At-Tibyan: Berdasarkan pengalaman SS Mufti, bagaimana SS Mufti melihat PMNS dahulu dan sekarang?**

Melihat PMNS dahulu dan sekarang,

dengan perkembangan semasa, serta melalui pertambahan bilangan kakitangan membolehkan PMNS lebih berperanan dalam merealisasikan lagi fungsinya.

Apabila turun kepada masyarakat, kita lebih memahami masyarakat itu sendiri. Mulai 2011 saya menggalakkan pegawai membuat penyelidikan sendiri dan melawat ke kawasan-kawasan umat Islam supaya dapat menemui, serta menerokai masalah masyarakat-masyarakat Islam terutama yang berkaitan dengan hukum hakam. Dengan pertambahan pegawai ini kita dapat menyenaraikan masalah masyarakat dan mudah untuk merangka dan menyediakan bahan-bahan bacaan dan bahan-bahan penyelidikan yang perlu dibuat dengan keputusan-keputusan hukum yang belum jelas dalam masyarakat.

Apabila dengan ada pegawai-pegawai yang baru yang sangat berkemahiran dalam IT, mereka dapat sampaikan maklumat dengan lebih berkesan dan efektif.

PMNS hari ini banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh kerajaan seperti pameran program Sejiwa Senada, kerana pertambahan pegawai membolehkan penglibatan PMNS dengan lebih baik lagi berbanding dulu, bila kekurangan staff, ini menghadkan pergerakan pegawai dan kakitangan PMNS.

**At-Tibyan: Apakah perancangan & idea SS Mufti untuk memastikan PMNS relevan dalam kerangka dakwah khususnya di Sarawak?**

Dalam konteks Releven, semua agensi-agensi Islam seperti JAIS, MIS dan PMNS sendiri relevan kerana Islam ini diturunkan tanpa batasan masa. Cuma bagaimana cara kita meletakkan institusi ini supaya dapat diterima dan dapat berganding bahu dengan agensi-agensi lain khususnya

dalam memartabatkan Islam dalam konteks dakwah.

Daie: Selalu beri dorongan dan motivasi kepada pegawai-pegawai supaya lebih peka dan menambah ilmu pengetahuan dan juga pengalaman supaya dengan ilmu yang ada dan tahu perkembangan semasa. Adunan ini akan melahirkan pendakwah yang sangat relevan dan berkemahiran berhadapan dengan masyarakat

Fatwa dan penjelasan hukum : mulai 2011, PMNS menyediakan KFA:

- a) Penyelidikan hukum- tertubuhnya jawatankuasa penyelidikan hukum di PMNS. Sebelum apa-apa kertas kerja penyelidikan dan yang berkenaan dibawa kepada Lembaga Fatwa Negeri Sarawak ia bukan hanya dibincangkan di peringkat pegawai PMNS, bahkan dibincangkan di peringkat jawatankuasa. Yang mana jawatankuasa ini telah melantik pegawai-pegawai dan juga individu tertentu yang mempunyai ilmu dalam hal ehwal agama Islam daripada luar PMNS, misalnya ahli-ahli akademik (pensyarah), pegawai-pegawai agama JAIS, NGO dan sebagainya supaya dapat berbincang dengan cara yang lebih terperinci. Kertas-kertas yang disediakan supaya ia dapat merangkumi isu-isu itu dengan cara yang lebih luas. Ini telah kita laksanakan, melalui fokus ini kita dapat meningkatkan lagi peranan PMNS.
- b) Penuhan Pegawai Focal/ Seranta-PMNS tidak mempunyai pejabat cawangan, apabila urusan melibatkan falak syarie, pegawai-pegawai yang telah dilantik dari JAIS akan mengurus hal ehwal yang berkaitan falak (kiblat) kerana kedudukan negeri Sarawak yang terlalu luas, jika hanya mengharap PMNS, maka urusan ini akan memakan masa yang agak panjang. Pegawai-pegawai ini akan diberi latihan yang

secukupnya bagi mengurus. Selain itu mereka juga bertindak melapor sebarang urusan yang berkaitan hal tersebut dan menyampaikan apa-apa maklumat dari PMNS yang bersangkutan dengan urusan falak.

Perancangan terakhir: supaya PMNS dapat mengadakan perkongsian bijak dengan institusi-institusi atau jabatan-jabatan lain kerana masalah di PMNS, limitasi dari sudut peruntukan dan kemudahan/peralatan-peralatan yang ada. Maka PMNS perlukan bantuan daripada jabatan-jabatan lain dan badan-badan bukan kerajaan. Setakat ini PMNS banyak kerjasama dengan jabatan dan badan yang lain. Cuma perancangan seterusnya ingin melebarkan lagi perkongsian bijak ini yang memungkinkan kita untuk menjalinkan kerjasama bagi menganjurkan program khususnya yang berkaitan dengan peranan dan fungsi PMNS.

**At-Tibyan: Akhirnya, apakah harapan SS Mufti kepada PMNS pada masa akan datang, khususnya dalam mendekatkan PMNS kepada masyarakat serta memartabatkan PMNS sebagai pusat rujukan utama berkenaan hal ehwal agama Islam?**

1. Sekarang PMNS, merancang untuk menjadikan PMNS ke arah sebuah jabatan untuk melaksanakan fungsinya secara menyeluruh.
2. PMNS tidak wujud tanpa pegawai-pegawai. Pegawai-pegawai ini yang akan merealisasikan visi dan misi PMNS, maka harapan kita supaya pegawai dan semua kakitangan punya visi dan misi yang bersama dan nilai bersama, dan mereka perlu komited untuk bekerja dengan cara yang lebih berkesan dan lebih cekap, serta punya nilai-nilai keperibadian yang sangat tinggi, kerana mereka merupakan cerminan kepada masyarakat.

3. Harapan kepada masyarakat, supaya masyarakat dapat merujuk dan hubungi PMNS sekira ada apa-apa masalah hukum hakam dan hal ehwal Islam supaya kita mendapat maklumat yang tepat dari sudut itu, kita menggalakkan dan beri keutamaan untuk merujuk hal ehwal yang berkaitan hukum melalui saluran-saluran yang PMNS sediakan.

4. Harapan kepada agensi-agensi Islam lain, PMNS sangat harapkan kerjasama dari semua pihak, dan PMNS juga akan berusaha memberikan kerjasama yang terbaik kepada badan-badan lain supaya kita dapat mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah masyarakat dan juga membuat keputusan yang terbaik dalam hal ehwal masyarakat ini supaya ia adalah suatu yang dapat dilaksanakan dan juga selain daripada itu akan menepati hukum hakam yg ditentukan oleh Allah SWT .

***“...perancangan seterusnya ingin melebarkan lagi perkongsian bijak ini yang memungkinkan kita untuk menjalinkan kerjasama bagi menganjurkan program khususnya yang berkaitan dengan peranan dan fungsi PMNS.”***

# Tak Kenal Maka Tak Cinta...

## SEJARAH PENUBUHAN PMNS

(Sebelum 1941) - Datu Hakim secara tidak langsung bertindak sebagai Mufti.

(Tahun 1941) - Mufti Negeri telah dilantik berikutan pengubahan Ordinan (Perbendaharaan Majlis Islam) melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(Tahun 1955) - Penubuhan Majlis Islam Sarawak pada 1 Mei 1955. Perlantikan Ahli Jawatankuasa Fatwa menerusi Ordinan Majlis Islam (Pemerbadanan) (Bab 105).

(Tahun 1963) - Sarawak memasuki Persekutuan Malaysia. Mufti dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong; manakala perlantikan Ahli Lembaga adalah oleh Yang Di-Pertua Negeri.

(Tahun 1997) - Sebelum tahun 1997 Mufti adalah termasuk dalam kedudukan pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam Sarawak.

(1 Januari 1997) - Pejabat Mufti Negeri Sarawak ditubuhkan secara rasminya di bawah Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK secara rasminya ditubuhkan pada 1 Januari 1997 di bawah Jabatan Ketua Menteri apabila pentadbirannya dipisahkan daripada Jabatan Agama Islam Sarawak. Sebelum tahun 1941, sebarang permasalahan agama dirujuk kepada Datu Hakim yang secara tidak langsung bertindak sebagai Mufti.

Pada tahun 1941 barulah jawatan Mufti diwujud dengan pelantikan Mufti yang pertama iaitu Haji Nawawi bin Haji Merais. Pelantikan beliau dibuat semasa pemerintahan Sir Vyner Brooke dan tidak mempunyai Ahli Jawatankuasa Fatwa. Bermula tahun 1955, barulah Ahli Jawatankuasa Fatwa diwujudkan.

Apabila Ordinan Majlis Islam (pemerbadanan)

1955 diwujudkan, perlantikan Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa dibuat melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Setelah Sarawak memasuki Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, perlantikan Mufti dibuat oleh Yang Di-Pertuan Agong atas syor Yang Di-Pertua Negeri.

## LATAR BELAKANG

Secara rasminya, Pejabat Mufti ditubuhkan dan dipisahkan daripada Jabatan Agama Islam Sarawak pada 1 Januari 1997. Sebelum tarikh tersebut keadaan Mufti dan institusi fatwa Negeri Sarawak adalah seperti berikut:-

- Sebelum Majlis Islam Sarawak ditubuhkan pada 1 Mei 1955, tidak ada badan yang bertanggungjawab berhubung hal ehwal agama Islam di Sarawak.
- Secara tidak langsung ianya diuruskan oleh Mahkamah Datu' sehingga Majlis Islam Sarawak ditubuhkan.
- Sebelum tahun 1941, masalah-masalah agama telah dirujukkan kepada Datu' Hakim yang secara tidak langsung menjadi Mufti.
- Mufti dilantik pada 1941 dengan tidak mempunyai Ahli Jawatankuasa Fatwa sehingga pada tahun 1955, barulah ada ahli tersebut.
- Setelah adanya ordinan (Pemerbadanan) Majlis Islam, perlantikan Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa diadakan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- Pada tahun 1963, Sarawak Memasuki Persekutuan Malaysia dan Mufti dilantik oleh Yang Dipertuan Agong atas syor Yang DiPertua Negeri. Akan tetapi Ahli Lembaga Fatwa dilantik oleh Yang Dipertua Negeri dalam Majlis Mesyuarat.

## MATLAMAT:

- Melahirkan sebuah jabatan yang memberi tumpuan sepenuhnya dalam bidang kefatwaan.

- Mengeluarkan fatwa yang tepat mengenai isu yang dipertikaikan.
- Mewujudkan pusat maklumat dan kajian fatwa yang cekap, berkesan dan profesional

## OBJEKTIF PENUBUHAN:

- Memberi nasihat dan panduan kepada Majlis Islam Sarawak mengenai permasalahan agama yang berkaitan dengan fatwa terutama isu-isu agama semasa.
- Mengeluarkan fatwa-fatwa yang lengkap dan boleh dipertanggungjawab selaras dengan hukum syarak.
- Menyelaras fatwa-fatwa di antara negeri-negeri di Malaysia.
- Meneroka aspek-aspek baru di bidang kefatwaan.

## VISI

Beriltizam Menjadi Institusi  
Mufti Yang Berwibawa  
Dalam Memartabatkan  
Syariat Islam.

## MISI

Memperkasa  
Kecemerlangan Pengurusan  
Pejabat Mufti Negeri  
Sarawak Secara Cekap Dan  
Berkesan.

## MOTO

Profesional dan Berhikmah

# FATWA YANG TELAH DIWARTAKAN

OLEH : USTAZ HAJI MOHAMMAD SYARIFUDDIN BIN ABD KADIR


## Fatwa Mengenai Pendermaan Organ

BAHAWA pendermaan organ ginjal atau buah pinggang kepada pesakit buah pinggang adalah harus tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

### 1. DERMA DARI YANG HIDUP

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- Penderma rela dengan ikhlas hati menderma organ ginjal atau buah pinggangnya
- Disahkan oleh pakar perubatan bahawa pendermaan itu tidak akan membahayakan kesihatan si penderma; dan
- Tidak dilakukan dengan cara jual-beli



### 2. DERMA DARI YANG MATI

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- Sebelum meninggal dunia penderma telah menyatakan kerelaannya untuk mendermakan organ ginjal atau buah

pinggangnya itu kepada orang lain setelah dia meninggal dunia atau diizinkan oleh wali atau ahli warisnya untuk berbuat demikian dan tidak pula dilakukan dengan paksaan

- Disahkan oleh pakar perubatan bahawa organ ginjal atau buah pinggang yang didermakan itu masih boleh dimanfaatkan oleh pesakit buah pinggang yang memerlukannya.
- Hendaklah dipastikan bahawa pemindahan organ ginjal atau buah pinggang itu semata-mata untuk berubat dan
- Tidak dilakukan dengan cara jual-beli

**“...pendermaan organ ginjal atau buah pinggang kepada pesakit buah pinggang adalah harus tertakluk kepada syarat-syarat...”**

## Fatwa Mengenai Pemindahan Kubur Orang Islam

BAHAWA mayat orang Islam boleh digali dan / atau dipindahkan kalau didapati sah mayat itu dikebumikan:

- Di tanah perkuburan orang bukan Islam
- Tanpa dimandikan
- Dengan tidak menghadap kiblat
- Dengan dikapangkan dengan kain yang dirampas

- Bersama dengan harta orang lain dan harta tersebut dituntut oleh empunya
- Di tanah kepunyaan orang lain tanpa izin
- Di tanah yang dikhawatir susut atau hakis seperti tebing sungai atau lereng bukit
- Di tanah yang akan dimajukan oleh pihak yang berkuasa untuk maslahat umum seperti membuat jalan raya
- Di tanah lumpur yang dinaiki air; atau
- Bersama mayat lain, yang menyebabkan hati warisnya tidak senang

**“...mayat orang Islam boleh digali dan / atau dipindahkan kalau didapati sah mayat itu dikebumikan...”**

## Fatwa Mengenai Kumpulan Anti-Hadis

### A. BAHAWA

- buku-buku yang bertajuk:
- “Hadis Satu Penilaian Semula” dan “Hadis Jawapan Kepada Pengkritik” yang kedua-duanya ditulis oleh Kasim Ahmad dan isi kandungannya
- “Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith Di Dalam Al-Quran” yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman dan isi kandungannya
- “Bacaan” yang ditulis oleh Othman Ali dan isi kandungannya
- “The Computer Speaks – God’s Message To The World” yang ditulis oleh Dr. Rashad Khalifa dan isi kandungannya dan

- b. Risalah "Iqra" dan isi kandungannya adalah merupakan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islamiah dan yang boleh mengelirukan dan menyesatkan masyarakat Islam kerana ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku tersebut, antara lain, menolak hadis sahih (iaitu yang disahkan bersumber daripada Rasulullah SAW) sebagai sumber aqidah dan perundungan Islam, meghina kedudukan Rasulullah SAW dan menghina Al-Quran dengan mempertikaikan kesahihan serta memesangkan pengertian sebenar ayat-ayat Al-Quran tersebut, adalah dengan ini diharamkan.
  
- B. BAHAWA orang dan kumpulan orang Islam (kemudian daripada ini disebut "Kumpulan Anti-Hadith") yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku yang disebut tadi adalah merupakan suatu kumpulan yang sesat dengan ajaran dan fahamannya yang bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islamiah, adalah dengan ini diharamkan.

OLEH ITU mana-mana orang atau kumpulan orang Islam adalah dilarang:

- a. untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku "Hadith Satu Penilaian Semula", "Hadith Jawapan Kepada Pengkritik", "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu – Hadith Di Dalam Al-Quran", "Bacaan", dan "The Computer Speaks: God's Message To The World" dan risalah "Iqra" itu
- b. untuk menyimpan, menjual, mencetak,

menerbit, memiliki, menyiar, menyebar atau mengedarkan buku-buku "Hadis Satu Penilaian Semula", "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik", "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu – Hadith Di Dalam Al-Quran", "Bacaan", dan "The Computer Speaks: God's Message To The World" dan risalah "Iqra" itu atau mana-mana bahagian daripadanya termasuk:

- i. apa-apa bentuk, versi atau variasinya
- ii. apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa
- iii. apa-apa bahan publisiti yang bertujuan memberikan publisiti kepada mana-mana buku atau risalah itu pada atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media; dan
  
- c Untuk menjadi anggota atau memimpin mana-mana Kumpulan Anti-Hadith atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.

***"...merupakan suatu kumpulan yang sesat dengan ajaran dan fahamannya yang bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islamiah, adalah dengan ini diharamkan..."***

## **Fatwa Mengenai Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam**

- A. Bahawa-
  - i. Buku yang bertajuk "Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan" yang ditulis oleh Ustaz HJ. ASHAARI MUHAMMAD dan isi kandungannya; dan
  
  - ii. "Manaqib (riwayat hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi" yang ditulis oleh Mohamad Taha As-Suhaimi dan juga yang ditulis oleh pihak-pihak lain dalam semua bahasa dan isi kandungannya, adalah mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan aqidah dan syariah Islamiah serta mengelirukan masyarakat Islam oleh itu adalah diharamkan.
  
- B. Bahawa Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung di dalam buku bertajuk "Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan" dan "Kitab Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi adalah diharamkan.
  
- C. Bahawa pengharaman ini meliputi:
  - i. apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran-ajaran

tersebut di A di atas, dan termasuklah apa-apa pegangan ideologi, falsafah, atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan dan penunaian yang merangkumi kesemua tujuannya atau salah satu daripada tujuan-tujuannya ialah pencapaian pengajaran kebatinan, perlindungan kebatinan atau kewujudan kebatinan iaitu suatu pegangan, ideologi, falsafah, atau kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Waljamaah:

- ii. apa-apa bahan publisiti Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam termasuk mana-mana terbitan, ertinya apa-apa bahan, termasuklah suatu gambar, gambarfoto, logo, poster, rajah, surat edaran, gelansar filem, iklan di akhbar dan apa-apa bentuk iklan lain yang bertujuan untuk memberi publisiti kepada terbitan tersebut yang berkaitan dengan ajaran-ajaran atau pegangan-pegangan di A di atas
- iii. apa-apa terbitan, ertinya apa-apa buku, majalah, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain, sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan, atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya, dan termasuklah apa-apa filem iaitu sebuah wayang gambar, sebuah pita rakam, atau sebuah rekod. Walau bagaimana cara sekalipun ianya dibuat, dari suatu imej berdasarkan penglihatan, yang mana adalah sebuah rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat menayangkan rangkaian itu sebagai suatu gambar bergerak;

rakaman audio iaitu apa-apa bahan termasuk piring-piring hitam, fotografi, pita-pita rakaman, cakera laser dan cakera padat, yang mana dirakamkan rakaman suara manusia, untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran-ajaran atau pegangan-pegangan di A di atas:

Oleh itu, orang-orang Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan lain-lain aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk menghidupkan dan mengembangkan kumpulan ini.

Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen: menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa juu kemudahan dan bantuan.

***“...orang-orang Islam  
adalah dilarang  
mengamal ajaran,  
pegangan dan fahaman  
Kumpulan Darul Arqam  
@ Al-Arqam...”***

## Tahukah Anda

### Pakar Haiwan Hidupan

Air menyatakan bahawa belangkas adalah haiwan yang hidup di laut dalam dan hanya naik ke pantai untuk bertelur. Ia adalah sejenis haiwan satu alam yang hidup di laut masin dan sedikit di paya air tawar dan ia tidak boleh kekal hidup di darat kerana bernafas menggunakan insang. Sehubungan itu, selaras dengan pandangan Jumhur Ulama' yang menyatakan bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan, maka Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Hukum memakan daging atau isi dan telur belangkas adalah diharuskan.

# Penjelasan Hukum...

## HUKUM MEMAKAN DAGING/ ISI BELANGKAS DAN TELURNYA

Sighah Keputusan:

1. Tiada nas qat'ie yang mengharamkan manusia memakan belangkas. Pakar haiwan Hidupan Air menyatakan bahwa belangkas adalah haiwan yang hidup di laut dan hanya naik ke pantai untuk bertelur. Ia adalah sejenis haiwan satu alam yang hidup di laut masin dan sedikit di paya air tawar dan ia tidak boleh kekal hidup di darat kerana bernafas menggunakan insang.
2. Sehubungan itu selaras dengan pandangan Jumhur ulama' yang menyatakan bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan, maka mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa: "hukum memakan daging/isi dan telur belangkas adalah diharuskan".

Hujjah dan Dalil:

1. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah Ayat 96 yang bermaksud: "*Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagimu dan juga bagi orang yang dalam pelayaran.*" Buruan yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah meliputi untuk hidupan laut yang lain termasuk ikan. Ini bererti semua yang ada di dalam laut adalah halal.

2. Hadith Nabi SAW sewaktu baginda ditanya mengenai berwudhu' menggunakan air laut: "Daripada Sa'id bin Salamah—daripada keluarga Ibn al-Azraq— Sesungguhnya al-Mughirah bin Abi Burdah – dan dia dari kalangan Bani Abd al-Dar - telah memberitahu akan dia: Sesungguhnya telah mendengar Abu Hurairah berkata:

***"Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagimu dan juga bagi orang yang dalam pelayaran."***

Telah bertanya seorang lelaki kepada Rasulullah SAW. Maka dia berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami sedang menaiki kapal laut dan kami membawa sedikit air bersama kami untuk diminum: Sekiranya kami berwudhu' dengan air ini nescaya kami akan dahaga, apakah boleh kami menggunakan air laut untuk berwudhu'. Maka Rasulullah SAW bersabda : "Laut, airnya suci dan menyucikan dan bangainya adalah halal".  
(Hadith Riwayat al-Tirmizi)

3. Belangkas dewasa bernafas menggunakan insang pada bahagian buku insangnya. Ia akan mati jika buku insangnya kering. Jadi tidak benar anggapan bahawa belangkas dikategorikan sebagai binatang dua alam seperti amfibia iaitu katak. Ini kerana belangkas mengekalkan sifatnya bergantung kepada air untuk bernafas dan hidup. Berbeza dengan katak dewasa yang menggunakan kulit dan paru-paru untuk bernafas apabila dewasa kerana belangkas tiada paru-paru.

## MEROKOK PADA PANDANGAN ISLAM

Sighah Keputusan:

"Merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudaratannya pada kesihatan dan pembaziran pada perbelanjaan."

- i. Rokok membahayakan kesihatan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud: "Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik."

- ii. Merokok merupakan satu pembaziran terhadap harta.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 26-27 yang bermaksud: "Dan janganlah engkau membelanjakan (hartamu) secara boros. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu".

- iii. Ianya dianggap khaba'is (buruk)

Firman Allah SWT dalam surah al-Araf ayat 157 yang bermaksud: "..Dan ia menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk..."

- iv. Merokok memberi mudharat kepada orang lain.

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Tidak boleh memberi mudharat dan membalaik dengan kemudharatan". (Hadith riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni)

- v. Kaedah Usul Fiqh:

**"menolak kerosakan adalah didahuluikan daripada mencari kemaslahatan"**

- vi. Dalam isu merokok ini, sebab yang menjadikannya haram ialah kesan mudharat dan bahayanya sehingga meruntuhkan lima asas utama (al-Kulliyatul Khams) yang wajib dipelihara oleh setiap manusia iaitu agama, jiwa, maruah keturunan, akal dan juga harta.

# Penyingkap Hukum

OLEH : USTAZAH RADIYAH BINTI AFFANDI

## SOALAN:

**Dakwaan bahawa dunia akan kiamat pada tahun 2012 sering diperkatakan umum. Sebagai orang Islam, apakah hukum kita mempercayai khabar ini?**

## JAWAPAN:

Hari kiamat termasuk dalam perkara yang menjadi rahsia Allah S.W.T. di mana tiada sesiapa yang mengetahui dengan tepat bila akan berlakunya kiamat kecuali Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T dalam Surah Al A'raf ayat 187:

Maksudnya : "Mereka menanyakan kepadamu tentang kiamat: "Bilakah terjadinya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang kiamat itu adalah pada sisi Tuhanmu; tidak seorangpun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya selain Dia. Kiamat itu amat berat (huru haranya bagi makhluk) yang di langit dan di bumi. Kiamat itu tidak akan datang kepadamu melainkan dengan tiba-tiba". mereka bertanya kepadamu seakan-akan kamu benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang bari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

Dan Firman Allah S.W.T dalam Surah Al Ahzab ayat 63:

Maksudnya : "Manusia bertanya kepadamu tentang hari berbangkit. Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang hari berbangkit itu hanya di sisi Allah". dan tahukah kamu (hai Muhammad), boleh Jadi hari berbangkit itu sudah dekat waktunya."

Begini juga disebut sebagaimana hadith

yang bermaksud:

"Aku diutuskan dan kiamat seperti dua ini, lalu Baginda mengisyaratkan jari telunjuk dan jari tengahnya".

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kita perlu meyakini bahawa hari kiamat itu pasti berlaku dan ia merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Oleh itu kita tidak perlu mempercayai sesuatu yang tiada sandaran nas daripada Al-Quran dan al-Hadith.

***"Kita perlu meyakini bahawa hari kiamat itu pasti berlaku dan ia merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Oleh itu kita tidak perlu mempercayai sesuatu yang tiada sandaran nas daripada Al-Quran dan al-Hadith."***

## SOALAN:

**Apakah hukumnya memakai wangian beralkohol dalam solat?**

## JAWAPAN:

Solat mereka yang memakai minyak wangi beralkohol adalah sah. Ini kerana alkohol yang terkandung di dalam minyak wangi adalah berbeza dengan alkohol yang terdapat di dalam arak. Alkohol yang terkandung di dalam minyak wangi tidak dihukumkan najis tetapi haram diminum.

Manakala alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis. Selain itu alkohol



juga terhasil dari lebihan proses pembuatan makanan seperti tapai, sama ada dari ubi kayu atau pulut. Ianya adalah tidak najis dan harus dimakan. Oleh itu, ubat-ubatan dan minyak wangi yang dicampurkan alkohol yang diproses bukan untuk pembuatan arak adalah harus dan dimaafkan.

***"...ubat-ubatan dan minyak wangi yang dicampurkan alkohol yang diproses bukan untuk pembuatan arak adalah harus dan dimaafkan."***

## SOALAN:

**Saya mengalami masalah keputihan. Kadang kala setiap kali saya solat, saya dapat merasakan bahawa keputihan tersebut keluar daripada kemaluan saya. Sahkah sembahyang saya dan adakah saya perlu mengulanginya semula? Saya juga telah mencuba pelbagai alternatif untuk mengatasi masalah keputihan tersebut. Adakah sah solat sekiranya keputihan tersebut terkena kepada pakaian seperti seluar?**

Keputihan dikira sebagai najis. Jika terkena pada pakaian, badan dan tempat solat maka batallah solat yang dikerjakan. Hukum keputihan adalah sama dengan hukum darah istihadah dan da-imul hadas (kencing tidak lawas) Berhubung dengan permasalahan yang puan hadapi, jika puan hendak mendirikan solat, kaedah-kaedah berikut hendaklah dituruti:

1. Memastikan keputihan tersebut dibersihkan terlebih dahulu
2. Memakai tuala wanita/panty liner yang bersih di permukaan faraj.
3. Mengambil wuduk setelah masuk waktu solat.
4. Wuduk yang diambil hanya sah untuk satu solat fardhu atau tawaf fardhu atau rukun dan beberapa sunat.

### ***“Hukum keputihan adalah sama dengan hukum darah istihadah dan da-imul hadas (kencing tidak lawas)”***

Ini berdasarkan hadith riwayat Aisyah r.a. yang menyatakan bahawa Fatimah binti Hubaisy datang menemui Rasulullah SAW menceritakan tentang kedudukan darah istihadahnya, lalu baginda bersabda yang bermaksud :

“Mandilah, kemudian berwuduklah bagi setiap (waktu) solat, dan bersolatlah”  
(Hadith Riwayat Abu Daud)

#### **SOALAN:**

**Saya ingin tahu waktu sebenar dari mula hingga akhirnya ikut kiraan jam bagi waktu untuk solat sunat Dhuha?**

JAWAPAN :

Mengikut syarak waktu Dhuha bermula apabila matahari naik setinggi satu galah selepas terbit.

Pengiraan waktu Dhuha secara astronomi adalah berdasarkan formula waktu Syuruk ditambah dengan satu pertiga perbezaan waktu Syuruk dan waktu Subuh atau secara purata waktu Dhuha bermula 28 minit selepas waktu Syuruk dan ia berakhir setelah masuk waktu Zuhur.

Contoh pengiraan berdasarkan formula astronomi;

$$\text{Waktu Dhuha} = \text{Waktu Syuruk} + \frac{1}{3} (\text{waktu Syuruk} - \text{Waktu Subuh})$$

Contoh Jadual Waktu Sembahyang di Mukah (Zon 4) pada 16 Mac 2011 ;

Waktu Syuruk: 0638 pagi

Waktu Subuh : 0524 pagi

Waktu Dhuha di Mukah pada 16 Mac 2011 ialah :

$$\begin{aligned} \text{Waktu Syuruk (0638 pagi)} &+ \frac{1}{3} (\text{waktu Syuruk} - \text{Waktu Subuh}) \\ &(0638 pagi - 0524 pagi) = 1\text{jam } 14 \text{ Minit @ } 74 \text{ minit} \end{aligned}$$


$$\begin{aligned} &= 0638 \text{ pagi} + \frac{1}{3} (74 \text{ Minit}) \\ &= 0638 \text{ pagi} + 25 \text{ minit} \\ &= 0703 \text{ pagi.} \end{aligned}$$



***“Pengiraan waktu Dhuha secara astronomi adalah berdasarkan formula waktu Syuruk ditambah dengan satu pertiga perbezaan waktu Syuruk dan waktu Subuh...”***

### **Tahukah Anda ?**

Seorang anak yang memeluk Islam boleh mewasiatkan harta kepada keluarganya yang bukan Islam semasa hayatnya.





## Az-Ziyarah Mufti Bersama Masyarakat...

"Seingat saya inilah pertama kali Mufti turun ke kampung ini", kata seorang penduduk yang agak berumur ketika kami mengadakan program Az-Ziyarah bersama Mufti di sebuah masjid. "kalau boleh program ini diadakan selalu ustaz", tambah seorang penduduk lagi. Luahan rasa daripada hati yang ikhlas jelas terpancar daripada riak wajah dan petuturan penduduk kampung dan kehausan mereka untuk mendapatkan info dan maklumat terkini tentang Islam serta keinginan mereka mengetahui hukum hakam yang berkaitan menyerlah dengan soalan-soalan yang diajukan secara langsung kepada Sahibus Samahah Mufti. Kehadiran jamaah yang begitu ramai di masjid dan surau semasa program ini dijalankan membuktikan bahawa masyarakat Islam di Sarawak sebenarnya amat memerlukan bantuan pihak berautoriti untuk menyelesaikan permasalahan mereka berkaitan hukum.

Bagaikan kecil tapak tangan nyiru ditadahkan, inilah yang dapat kami gambarkan keterujaan penduduk sesebuah kampung apabila kami mewar-warkan untuk mengadakan program ini di kampung mereka dan berbincang dengan jawatankuasa masjid/surau, mereka tanpa banyak persoalan terus setuju dengan tarikh dan masa yang dicadangkan. Pihak kami begitu terharu dengan komitmen yang ditunjukkan oleh mereka dan berharap ianya akan memudahkan kerja-kerja dakwah dijalankan.

Senario di atas sebenarnya catatan pengamalan Pejabat Mufti Negeri Sarawak semasa mengadakan program Az-Ziyarah bersama Mufti. Melalui program ini, pendekatan yang diguna pakai ialah Sahibus Samahah Mufti akan turun padang ditemani pegawai dan kakitangannya untuk berhadapan dengan masyarakat bagi menjawab segala kemosyikilan agama yang ditimbulkan. Agensi-agensi Islam yang lain seperti Majlis Islam Sarawak, Jabatan Agama Islam Sarawak, Tabung Baitulmal Sarawak, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak dan Lembaga Tabung Haji Negeri Sarawak tidak ketinggalan turut serta memeriahkan program ini. Aturcara program bermula dengan solat maghrib berjamaah dan setelah selesai solat, majlis diteruskan dengan Sahibus Samahah menerangkan tujuan program diikuti dengan soal jawab dan seterusnya menuaikan solat Isya' berjemaah. Majlis diakhiri dengan penyampaian buku sebagai cenderahati kepada Masjid yang dilawati dan pihak masjid berbesar hati menjamu jemaah makan malam.

Program ini dijalankan antara lain objektifnya adalah untuk memupuk hubungan silaturrahim yang lebih erat di antara Pejabat Mufti dengan seluruh masyarakat Islam di Sarawak di samping membuka ruang kepada masyarakat Islam untuk berdialog secara langsung dengan Sahibus Samahah Mufti sendiri berhubung isu-isu yang berkaitan dengan hukum syarak.

Melalui program ini juga Pejabat Mufti dapat menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran masyarakat Islam betapa perlunya menghayati ajaran Islam yang berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kehidupan seharian yang melibatkan permasalahan akidah, ibadah, akhlak dan sebagainya.

Bermula tahun 2012, kami di Pejabat Mufti Negeri Sarawak akan cuba sedaya-upaya menganjurkan program ini sebulan sekali bagi menyemarakkan lagi usaha dakwah dan memberi peluang kepada seluruh penduduk Islam di Sarawak mendapat kefahaman yang jelas tentang ajaran Islam dan Alhamdulillah sejak program ini dijalankan, pihak kami telah melawat 18 buah masjid/ surau di negeri Sarawak iaitu;



BIL	TEMPAT	TARIKH
1	<b>Masjid Nurir Rahmani, Santubong</b>	<b>23 Januari 2010</b>
2	<b>Masjid Darul Taqwa, Lundu</b>	<b>20 Februari 2010</b>
3	<b>Masjid Darul Hikmat, Kg Sejijak, Kucing</b>	<b>24 April 2010</b>
4	<b>Masjid Beladin Al-Amin, Kg Beladin</b>	<b>22 Mei 2010</b>
5	<b>Masjid Al-Ansar, Kg Selalang, Serikei</b>	<b>26 Jun 2010</b>
6	<b>Masjid Al-Hana, Lingga, Sri Aman</b>	<b>9 Oktober 2010</b>
7	<b>Masjid Darul Sifa', Spaoh, Betong</b>	<b>10 Oktober 2010</b>
8	<b>Masjid Darul Solihin, Debak , Betong</b>	<b>14 Oktober 2010</b>
9	<b>Masjid Rahmaniah, Pusa , Betong</b>	<b>15 Oktober 2010</b>
10	<b>Surau At-Taqwa Kg Narum, Miri</b>	<b>20 Januari 2011</b>
11	<b>Masjid Daerah Lawas, Lawas</b>	<b>12 Februari 2011</b>
12	<b>Masjid Salatul Rahman, Kg Stumbin, Sri aman</b>	<b>26 Februari 2011</b>
13	<b>Masjid Ali Fatimah, Kg Mang, Samarahan</b>	<b>21 Mei 2011</b>
14	<b>Masjid Setia Raja, Mukah</b>	<b>16 Julai 2011</b>
15	<b>Masjid Jabal An-Nur, Kapit</b>	<b>12 Ogos 2011</b>
16	<b>Masjid Al-Mustaqim, RPR Kidurung, Bintulu</b>	<b>29 September 2011</b>
17	<b>Surau Nur Akmil, Kg Belimbin, Bau</b>	<b>7 Januari 2012</b>
18	<b>Masjid Darul As-Solihin, Kg Sambir, Samarahan</b>	<b>25 Februari 2012</b>

Kepada masjid/surau yang belum sempat dikunjungi harap bersabar menunggu kehadiran kami dan doakan semoga kami di Pejabat Mufti sentiasa diberi kesihatan dan kekuatan untuk meneruskan usaha murni ini. Amin.



# Cerapan Hilal...


Pejabat Mufti Negeri Sarawak telah diamanahkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk mencerap anak bulan (hilal) bagi menentukan tarikh-tarikh penting dalam kalender hijrah seperti permulaan puasa, hari raya Aidilfitri dan juga hari raya Aidiladha. Untuk itu, proses pencerapan anak bulan dilakukan bagi menentukan anak bulan Ramadhan, anak bulan Syawal dan juga anak bulan Zulhijjah.

Bagi tujuan pencerapan ini, satu jawatankuasa telah dibentuk yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Melihat Anak Bulan Peringkat Negeri Sarawak yang dipengerusikan oleh Sahibus Samahah, Mufti Negeri Sarawak.

Penentuan kepada tarikh-tarikh permulaan hijrah ini yang diterimakan di Malaysia berdasarkan kaedah imkanur rukyah iaitu melalui hisab (pengiraan) dan rukyah (mencerap).

Terdapat tiga tempat yang telah diwartakan di Negeri Sarawak sebagai tempat mencerap anak bulan (hilal) iaitu;

- 1) Bahagian Kuching: Teluk Bandung, Kuching.
- 2) Bahagian Miri: Tanjung Lobang, Miri.
- 3) Bahagian Bintulu: Tanjung Batu, Bintulu.





# Kursus Falak Syarie 2011

OLEH USTAZ HAJI MOHAMMAD FAUZI BIN HAIRANI (BAHAGIAN FALAK, PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK)

Ilmu falak syarie merupakan satu ilmu yang berkembang seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu Islam yang lain. Kita sering dihidangkan dengan cerita-cerita astronomi barat yang tidak berkait langsung dengan Islam mahupun ibadah dalam Islam. Kehebatan ahli-ahli falak Islam seperti al Biruni, Jalaludin Tahir dan lain-lain terbukti dengan terciptanya alatan-alatan ukur yang membawa kepada terciptanya alatan-alatan ukur moden seperti kompas, teodolite dan lain-lain lagi. Merukyah hilal, pembentukan taqwim hijrah, mengukur arah kiblat yang betul serta hitungan waktu solat yang tepat antara isu-isu penting dalam perbincangan ilmu-ilmu falak syarie.

Sehubungan itu, Pejabat Mufti Negeri Sarawak dengan kerjasama Lembaga Amanah Kebajikan Islam Bintulu, JAKIM Cawangan Sarawak, Jabatan Agama Islam Bahagian Bintulu dan Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Sarawak bersetuju untuk mengembangkan tenaga bagi menjayakan Kursus Falak Syarie pada tahun ini. Kursus ini dibuka kepada Pegawai Focal Kiblat di Jabatan Agama Islam Sarawak, kakitangan agensi Islam dan ahli jawatankuasa masjid atau surau yang berminat.

Kursus tersebut telah pun berlangsung selama dua hari iaitu pada 29 - 30 Syawal 1432H bersamaan 27 - 28 September 2011M (Selasa-Rabu) bertempat di Auditorium, Lembaga Pelabuhan Bintulu. Seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai focal kiblat di Jabatan Agama Islam Sarawak, penjawat

awam dan masyarakat sekitar Bintulu telah menghadiri kursus tersebut yang juga turut dirasmikan majlis penangguhannya oleh Datuk Ir. Haji Daud b Abdul Rahman, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) dan Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur Sarawak. Pada kursus tersebut sebanyak 8 kertas kerja telah pun dibentangkan iaitu:-

1. Pembentukan Taqwim Hijrah dan Penetapan Puasa Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri & Aidiladha dan Penentuan & Hitungan Waktu Solat serta Konsep Zon Waktu oleh YBhg. Dr Azhari b Mohamed, Pengarah Seksyen Geodesi, Pegawai JUPEM Kuala Lumpur.
2. Kaedah dan Teknik Penentuan Arah Kiblat 1 & 2 oleh Ustaz Faizal bin Jani, Pegawai Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak.
3. Pengenalan kepada Penggunaan Teleskop dan Total Station, Kaedah

dan Teknik Rukyah Hilal menggunakan Teleskop dan Teleskop dan Praktikal Rukyah Hilal Zulkaedah 1432 Hijrah oleh Encik Wan Kamel bin Wan Hussain, Pegawai JUPEM, Kuala Lumpur.

Dalam kursus tersebut, Kod Etika Kerja Pejabat Mufti Negeri Sarawak turut dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Haji Daud Abdul Rahman. Pada sebelah petangnya, Yang Berhormat Datuk turut berkesempatan untuk melakukan praktikal cerapan hilal bulan Zulkaedah yang diadakan di Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Sarawak. Majlis tersebut juga turut disertai oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datu Haji Putih bin Matzen, Sahibus Samahah Tuan Haji Kipli bin Haji Yassin Mufti Negeri Sarawak, Ustaz Mual bin Haji Suaud, Ketua Penolong Mufti, Ustaz Haji Zamrus bin Buang, Pegawai Agama Islam Bahagian Bintulu dan ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua masyarakat setempat.



# Bengkel Penulisan

OLEH : USTAZAH DALIMA BINTI HAJI BUJANG



Isnin, 18 Julai 2011 bersamaan 16 Syaaban 1432H Pejabat Mufti Negeri Sarawak telah menganjurkan Bengkel Penulisan Berkesan Modul I : Motivasi Menulis bertempat di Tingkat 6, Bilik Syura, Pejabat Mufti Negeri Sarawak.

Bengkel ini dikendalikan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Syahrul Nizam bin Junaini, Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sarawak dan juga seorang penulis Buku Motivasi dan Komunikasi sebagai penceramah jemputan.

Bengkel ini dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan Pejabat Mufti Negeri Sarawak dan dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Berbahagia Sahibus Samahah Tuan Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak. Dalam

ucapan beliau menekankan agar selepas bengkel ini pegawai dan kakitangan Pejabat Mufti Negeri Sarawak dapat menghasil tulisan walaupun hanya penulisan ringkas (simple). Beliau berharap semoga pegawai dan kakitangan dapat “mengorek” ilmu daripada pensyarah jemputan tersebut agar hasilnya nanti dapat diaplikasikan dalam menjalankan tugas sehari-hari di pejabat.

Bengkel yang berlangsung walaupun hanya sehari, namun amat bermakna bagi semua pegawai dan kakitangan Pejabat Mufti Negeri Sarawak kerana ianya pertama kali diadakan.

Dalam bengkel ini pegawai dan kakitangan Pejabat Mufti didedahkan dengan teknik-teknik menulis yang baik seperti: Inspirasi

Menulis, Bagaimana Menulis?, Mentaliti Kaizen, Teknik Menulis Rencana dan lain-lain lagi.



# SEJIWA SENADA...

OLEH : USTAZ HAJI MOHAMMAD SYARIFUDDIN BIN ABDUL KADIR



Dalam mendekati masyarakat untuk menjelaskan peranan Pejabat Mufti Negeri Sarawak, banyak aktiviti luar sama ada yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan kerajaan ataupun NGO telah disertai bersama. Antara aktiviti luar yang turut disertai oleh pejabat ini ialah Program SEJIWA SENADA yang merupakan satu program anjuran Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Persekutuan bertujuan untuk merapat dan menjalinkan hubungan antara kerajaan dan rakyat.

Program SEJIWA SENADA telah diadakan di Bahagian Sibu, Bintulu, Betong, Sarikei, Mukah, Kapit, Miri dan berakhir di Bahagian Kuching. Pejabat Mufti Negeri Sarawak telah terlibat secara langsung dalam pameran perkhidmatan agensi-agensi kerajaan di beberapa tempat, iaitu:

1. Dewan Suarah Kapit  
– 26-28 November 2010
2. Padang Majlis Bandaraya Miri  
– 21-23 Januari 2011

3. Padang KPSU Lama, Sri Aman  
– 25-27 Februari 2011
4. Perkarangan Dewan Masyarakat, Serian  
– 18-20 Mac 2011
5. Dewan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Kuching  
– 25-27 Mac 2011
6. Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Kuching.  
(Kawasan Sukmaria, Petra Jaya)  
– 01-03 April 2011

Antara perkhidmatan yang disampaikan melalui pameran ini ialah penjelasan peranan Pejabat Mufti Negeri Sarawak sebagai pusat rujukan syarak di Negeri Sarawak. Selain itu, perkhidmatan transformasi Masihi-Hijri-Masihi turut disediakan kepada para pengunjung untuk mengetahui tarikh-tarikh dalam bulan Hijri/Masihi. Pameran Mini Studio Falak juga telah menarik ramai pengunjung untuk singgah dan melihat sendiri bagaimana kaedah mencerap hilal (anak bulan) dilaksanakan dalam penentuan

awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah. Secara keseluruhannya, penyertaan Pejabat Mufti Negeri Sarawak dalam program SEJIWA SENADA telah memberikan manfaat dalam menyebarkan peranan dan perkhidmatan yang disediakan kepada masyarakat setempat dan juga agensi-agensi lain seterusnya dapat mengenali dengan lebih dekat Pejabat Mufti Negeri Sarawak.

***“Sebaik-baik sedekah ialah ketika kaya dan mulakan dahulu dengan nafkah tanggungan keluarga”.***  
*(Hadith Riwayat Abu Daud)*

# Hari Inovasi & Integriti...

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti PMNS telah diadakan pada 10-11 Disember 2011 bertempat di Damai Puri Resort, Kuching. Program tahunan yang diadakan ini telah berjaya menghimpunkan kesemua kakitangan dan keluarga Pejabat Mufti Negeri Sarawak.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan selama dua hari tersebut. Di antara aktiviti-aktiviti adalah seperti :

## **Q-TREASURE**

Pelaksanaan program yang bertujuan untuk membentuk jatidiri dan semangat bekerja secara berpasukan ini telah berjalan dengan cemerlang. Program ini telah dikendalikan sendiri oleh Sahibus Samahah Mufti dengan dibantu oleh Encik Mohamad Akbar bin Morili selaku koordinator. Penyertaan melibatkan 5 kumpulan yang terdiri daripada 5-6 orang ahli daripada kakitangan PMNS. Komitmen dan semangat berpasukan jelas dapat dilihat dikalangan ahli kumpulan yang telah melakukan pelbagai tugas yang diberikan seperti menjawab soalan-soalan mengenai kualiti dan membuat persembahan bagi setiap kumpulan.

## **JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA HARI INOVASI DAN INTEGRITI**

Acara Jamuan Makan sempena Hari Inovasi dan Integriti ini, melibatkan semua kakitangan PMNS dan ahli keluarga yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak selaku tetamu kehormat. Selain daripada ucapan dan amanat YDP dan Sahibus Samahah Mufti, pada malam tersebut juga turut diadakan pelbagai aktiviti sampingan seperti cabutan bertuah, deklamasi puisi dan penyampaian hadiah bagi pemenang Q-Treasure.

## **SUKANEKA**

Acara sukaneka telah diadakan pada hari yang kedua iaitu pada sebelah pagi. Peserta adalah terdiri daripada kakitangan dan ahli keluarga PMNS. Antara acara menarik yang telah diadakan pada sukaneka tersebut seperti mencari bola ping pong dalam pasir, pertandingan meniup belon, pertandingan mengisi air dalam botol, pertandingan istana pasir dan pertandingan jalinan bola kasih bagi pasangan suami isteri.

Keseluruhannya program Hari Inovasi dan Integriti pada tahun ini telah berjalan dengan lancar dan teratur. Komitmen dan kesungguhan serta penglibatan kakitangan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang diadakan sungguh membanggakan. Semoga program ini dapat diteruskan dengan lebih baik pada tahun hadapan.



# Berbuka Puasa & Solat Sunat Terawih...

Sahibus Samahah Mufti beramah mesra bersama kakitangan & keluarga



Program ini telah diadakan pada 25 Ramadhan 1432H bersamaan 25 Ogos 2011 di Pejabat Mufti Negeri Sarawak. Setiap tahun program seumpama ini diadakan bila tibanya bulan Ramadhan. Program ini dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan Pejabat Mufti bersama ahli keluarga masing-masing. Antara objektif program ini adalah untuk mengeratkan ukhuwah sesama keluarga kakitangan serta mendekatkan ahli keluarga kepada Pejabat Mufti Negeri Sarawak. Pengisian program ini ialah berbuka puasa bersama, solat sunat terawih serta sedikit ucapan daripada Sahibus Samahah Tuan Haji Kipli Haji Yassin dan jamuan selepas Solat Sunat Terawih.


## Ramah Tamah



Pejabat Mufti Negeri Sarawak juga tidak ketinggalan setiap tahun mengambil kesempatan mengadakan ramah tamah aidilfitri bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara sesama kakitangan dan kakitangan agensi-agensi Islam yang lain.

# Fenomena Bayang Matahari Searah Kiblat (Istiwa' Matahari)

BAHAGIAN FALAK, PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK



Solat merupakan amalan wajib bagi setiap yang bergelar muslim atau muslimah. Dan antara syarat sah solat adalah menghadap ke arah kiblat. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al Baqarah ayat 144:

Maksudnya: "Seringkali kami melihat engkau (wahai Muhammad) menghadap mukamu ke langit, maka sesungguhnya kami (Allah) akan memalingkan mukamu ke arah yang kamu suka! Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram (tempat letaknya Kaabah); dan di mana kamu berada palingkanlah mukamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) memang mengetahui bawa berpaling ke arah Masjidil Haram itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah sekali-kali tidak lalai dari apa yang mereka kerjakan." (Al-Baqarah ayat 144).

Secara amnya, bagi masyarakat Islam yang berada jauh dari Kaabah, seperti umat Islam di rantau Asia dan lainnya, maka menghadap ke arah Mekah sudah memadai. Menyebut tentang arah kiblat ini, maka terdapat pelbagai kaedah untuk menentukan arah kiblat dengan betul dan

tepat. Antara kaedah yang digunakan seperti, menggunakan buruj-buruj bintang dan matahari, kaedah lintasan matahari harian, menggunakan alatan ukur seperti kompas prismatic, teodolite, GPS dan fenomena istiwa' utama matahari di Kaabah. Di antara pelbagai teknik tersebut, teknik yang paling mudah dan paling tepat adalah bila berlaku fenomena Istiwa' Matahari.

Fenomena yang dikenali sebagai Istiwa' Matahari ini merupakan satu anugerah Allah SWT yang diberikan kepada manusia di bumi untuk kembali mengingati kebesaran dan kekuasaan-Nya mendadik pergerakan apa yang ada di langit dan bumi untuk kegunaan manusia umumnya. Firman Allah SWT di dalam Surah Ali Imran ayat 190 hingga ayat 191:

Maksudnya: "Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan penggantian siang dan malam terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang berakal" (aitu) orang yang mengingati Allah sambil berdiri, duduk dan dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata), "Wahai Tuhan Kami, tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia; Maha Suci Engkau, lindungilah kami dari azab neraka"

Ada yang mengatakan bahawa, "mengapa bersusah-payah berkumpul di tempat panas hanya untuk menentukan arah kiblat, lebih baik guna kompas".

Jawapan agak mudah. Kompas berfungsi berdasarkan medan magnet bumi. Namun, jika ada sumber medan magnet yang berdekatan (seperti besi, tv dll), penunjuknya akan terpesong dan menunjuk ke arah lain. Jika kita tidak berhati-hati ia akan memberi kesan kepada arah yang hendak dicari. Objek-objek di angkasa merupakan sebaik-

baik petunjuk arah kerana ia tidak terpesong walau sedikit pun.

Kembali kepada fenomena Istiwa' Matahari, antara banyak teknik penentuan arah kiblat, penggunaan posisi Istiwa' Matahari di atas Kaabah adalah teknik yang mudah dan tepat. Istiwa' Matahari bermakna matahari akan berada tepat di langit bersamaan dengan Latitud Kaabah. Fenomena ini berlaku dua kali dalam setahun, iaitu ketika matahari bergerak menuju ke arah Utara dalam bulan Mei dan ketika matahari kembali ke Ekuinok dalam bulan Julai.

Andaikata kita berpeluang berada di Masjidil Haram ketika itu, kita akan lihat Kaabah (serta apa yang berdiri tegak di persekitarannya, seolah-olah tidak ada bayang-bayang. Saat itu, waktu di Mekah ialah 12.16 tengahari. Bagi kita yang berada di Malaysia pada jam 5.16 petang, jika memandang ke arah matahari, bermakna kita sedang menghadap tepat ke arah kiblat.

Istiwa' Matahari di atas Kaabah akan menyebabkan bayang semua objek tegak  $90^\circ$  di seluruh dunia bersamaan dengan arah kiblat. Ini boleh dilihat pada 28 Mei dan 16 Julai ketika menghampiri waktu zohor di Mekah. Mengikut pengiraan pada 16 Julai 2011 matahari Istiwa' di atas Kaabah tepat jam 12.28 tengahari waktu Mekah yang bersamaan jam 5.28 petang waktu Malaysia.

Oleh yang demikian umat Islam di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bolehlah menyemak arah kiblat dengan menggunakan teknik bayang matahari searah kiblat ditempat masing-masing pada 16 Julai 2011 jam 5.28 petang waktu Malaysia. Janganlah terlepas peluang ini kerana fenomena ini hanya berlaku dua kali dalam setahun.

Untuk menyemak arah kiblat

## Sudut Artikel

menggunakan bayang matahari pada hari tersebut, ikutlah cara-cara berikut:-

1. Pacakkan kayu atau tongkat di kawasan yang hendak disemak arah kiblatnya.
2. Pastikan tiang, kayu atau tongkat tersebut lurus. Bagi menyemak ketegakannya bolehlah diletakkan tali yang diikat dengan pemberat di hujung tiang berkenaan.
3. Pilih tempat yang tidak terlindung dari cahaya Matahari.
4. Tepat jam 5.28 petang, bayang matahari yang jatuh itu adalah selari dengan arah kiblat. Oleh kerana matahari berada dilangit barat, bayang tiang akan jatuh ke arah timur. Oleh itu, arah kiblat ialah arah yang menghadap ke arah barat.

Selain tiang yang anda pacakkan, anda juga boleh menggunakan tiang bendera, tiang lampu atau sisi rumah yang tegak  $90^\circ$  untuk menyemak arah kiblat pada ketika itu.

NOTA: Fenomena yang sama akan berulang pada 27 Mei 2012, jam 5.16 petang dan pada 15 Julai 2012 pukul 5.28 petang.

Sehubungan itu pada tahun 2011 yang lalu, bersempena dengan fenomena ini Pejabat Mufti Negeri Sarawak dengan kerjasama Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak dan Jawatankuasa Keagamaan Bahagian Mukah telah pun mengadakan program tersebut iaitu:-

1. Masjid Jamek Negeri, Kuching Negeri Sarawak pada 28 Mei 2011 (Sabtu) jam 5.16 petang waktu Malaysia.
2. Masjid Setia Raja, Mukah pada 16 Julai 2011 (Sabtu) jam 5.16 petang waktu Malaysia.

Kebanyakan para jemputan dan orang ramai yang hadir turut merasa teruja

dengan program tersebut kerana kaedah seperti yang ditunjukkan adalah merupakan kaedah ataupun cara yang paling mudah dan hasil yang didapati amat tepat kerana bayang-bayang yang terhasil pada masa dan tarikh yang tersebut adalah merupakan arah kiblat di tempat tersebut.



# 'HALALAN TOYYIBA' DALAM KEHIDUPAN

OLEH :USTAZ HAJI FAIZAL BIN ABDULLAH

Allah S.W.T mencipta manusia dengan sebaik-baik kejadian berbanding makhluk lain kerana dianugerahkan pelbagai keistimewaan di samping menjadi khalifah Allah S.W.T mengurus serta memakmurkan bumi ini. Atas sebab itulah, kita yang bergelar umat Islam dituntut untuk menjunjung segala perintah Allah S.W.T sama ada yang berupa suruhan mahupun larangan. Di antaranya ialah perintah melaksanakan solat, puasa, zakat dan haji termasuklah juga memakan makanan yang halal lagi baik. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya".*

(Surah al-Maidah: 88)

Halal yang dimaksudkan di sini ialah kesucian, kebersihan dan kehidupan yang sihat menurut syariat Islam. Dari sudut pandangan Islam, makanan yang halal lagi baik mampu membentuk keterampilan peribadi seseorang yang akhirnya akan menyumbang kepada pembentukan ummah. Sebagai umat Islam kita wajib memastikan sumber makanan dan minuman adalah halal dan memenuhi panduan pemakanan dalam syariat Islam.

Manakala perkataan toyyiba pula dijelaskan oleh Ibn Kathir di dalam kitabnya Tafsir Ibn Kathir bahawa toyyiba itu membawa maksud baik,

bermanfaat dan elok dari segi tabiat menurut syarak. Toyyiba merangkumi dua perkara iaitu soal jasmani dan rohani. Ia mestilah selari dengan syariat, tidak bercanggah dan disertai dengan keikhlasan kepada Allah S.W.T. Makanan yang halal di sisi syara' adalah makanan yang bersih zatnya, suci cara perolehannya serta bebas dari sebarang kemudharatan. Walaupun sesuatu makanan yang haram itu lazat dan harum baunya sekalipun ia tetap keji di sisi Allah. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*"Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu".*

(Surah al-Baqarah: 168)

***"Makanan yang halal di sisi syara' adalah makanan yang bersih zatnya, suci cara perolehannya serta bebas dari sebarang kemudharatan"***

Melalui ayat ini, Allah S.W.T memerintahkan kita supaya memakan makanan atau rezeki dari sumber yang halal saja. Pada masa sama, kita juga dituntut supaya tidak mengikut jejak

langkah syaitan yang kufur serta derhaka kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya hal ini pasti ada hikmah, kebaikan dan kemudaratannya di sebaliknya. Begitulah sifat Pengasih dan Penyayang Allah S.W.T kepada hamba-hambanya. Allah S.W.T tidak menjadikan sesuatu perkara itu dengan sia-sia.

Ajaran Islam amat menitikberatkan persoalan makanan yang halal dan bersih kepada umatnya kerana sesuatu makanan yang haram dimasukkan ke dalam tubuh seseorang akan membawa kepada kesan yang mendalam kepada tingkah laku, budi pekerti, kejernihan hati nurani dan penerimaan doa yang dipanjangkan kehadrat Allah S.W.T. Panduan pemakanan di dalam Islam adalah berlandaskan konsep memberi kemudahan, menjaga nyawa, menjamin kesihatan tubuh badan dan akal. Oleh itu, setiap makanan yang memberi manfaat kepada tubuh badan dan akal fikiran adalah dibenarkan oleh syarak, manakala yang haram dan memudharatkan fikiran serta badan diharamkan dan ditegah. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Oleh itu, makanlah dari apa yang dikurniakan Allah kepadamu dari yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu menyembah-NYA Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa sedang ia tidak dianinya dan tidak*

***“...pemakanan di dalam Islam adalah berlandaskan konsep memberi kemudahan, menjaga nyawa, menjamin kesihatan tubuh badan dan akal.”***

melampaui batas, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

(Surah al-Nahl: 114-115)

“Wahai orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika kamu benar-benar menyembah-Nya”.

(Surah al-Baqarah: 172)

Oleh kerana itu, agama Islam telah meletakkan garis panduan dalam pemakanan. Makanan yang hendak dimakan, dipilih atau diproses mestilah berasaskan halalan toyiba. Kita wajib memilih makanan yang halal, yang mempunyai unsur baik sama ada dari sudut kesihatan dan keselamatan serta menjauhi makanan yang haram, kerana di sebalik perkara yang haram itu terdapatnya bahaya dan kemudharatan.

Dalam Tafsir Fi Zilalil Quran, Syed Qutb menyatakan: ”Sama ada ilmu manusia dapat mengetahui hikmah pengharaman sesuatu perkara atau tidak, namun yang pasti, Allah Maha Mengetahui dan amat mengatasi keupayaan kita untuk mengetahui sesuatu perkara. Allah tidak mengharamkan sesuatu, kecuali pasti perkara tersebut mempunyai bahaya dan kemudaratannya”.

Seorang ulama' terkenal Abdullah Sahl al-Tusturi berkata: ”Sesiapa yang makan makanan haram, maka akan bermaksiatlah anggota tubuhnya sama ada atas kehendaknya atau tidak, sama ada dia tahu atau tidak dan sesiapa yang makan makanan yang halal, maka seluruh anggota tubuhnya akan tunduk taat dan mudah melaksanakan kebajikan”. Berdasarkan kepada pandangan ini menunjukkan bahawa pemakanan halal mempunyai kedudukan yang penting dalam kehidupan di dunia ini dan berkait rapat dengan balasan hari akhirat. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

”Setiap jasad yang besar daripada benda yang haram, maka api nerakah yang layak baginya”.

(Hadith Riwayat Al-Baihaqi Dan Abu Nuim)

Justeru itu, dalam mengharungi perkembangan semasa di era global dunia hari ini, banyak makanan dan minuman yang ditawarkan kepada kita perlu diperiksa dan diteliti dengan sebaiknya. Dalam hal ini perkara yang halal lagi baik hendaklah menjadi keutamaan kita, manakala yang haram dan tidak baik semestinya dihindari. Kita juga dituntut agar menjauhi barang-barang syubhah yang mengelirukan dan tidak jelas hukumnya, kita sepatutnya berwaspada supaya tidak mengambil atau mencubanya melainkan setelah dipastikan kehalalannya dan kebaikannya. Ini kerana pengambilan makanan dan minuman yang syubhah boleh mengheret kepada penggunaan barang yang haram secara tidak disangka-sangka.

Oleh yang demikian, sebagai seorang muslim yang prihatin dalam setiap perkara sebaiknya kita meletakkan keutamaan untuk memilih yang halal

lagi baik dalam setiap urusan kehidupan khususnya dalam aspek pemakanan dan melaksanakan tanggungjawab yang telah dikurniakan Allah S.W.T.

***“Kita wajib memilih makanan yang halal, yang mempunyai unsur baik sama ada dari sudut kesihatan dan keselamatan serta menjauhi makanan yang haram, kerana di sebalik perkara yang haram itu terdapatnya bahaya dan kemudharatan.”***

## **‘arafta**

***Luka disebabkan tikaman pedang masih boleh tercantum namun tikaman yang disebabkan lisan tidak akan terubat.***

# nukilan tinta...

## *Malam Tok (Malam Tni)*

Dingin nang biasa mun dah ari malam  
Nambah sejok bila ari ujan  
Tapi sengan ne ajak ngelaka hal malam  
Kakya alu tido mata pun pejam.

Lain mun malam tok malam aher ku di sitok  
Lain mun malam tok nyawaku diambil dolok  
Ne ada tinggal kei malam isok  
Ne ada ngenang lagik panas ka sejok.

Crita ya pasti bsambong lagik  
Sik kedak malam marek dapat tdo besendik  
Ne tuju kawan ne tuju bradik  
Badan dah keruk nunggu nak dimandik.

Ya crita hal malam tok  
Bukan kei aku sorang tapi kei sama kita beritok  
Mudah-mudahan Allah Ta'ala merik kelapangan  
mun waktu dah suntok  
Sempat ngucap La ilaha illallah 'time' peluh  
ngucur sikpat ditapok.

Ya Allah, mun jak malam tok malam terakhir  
Ampunkan dosaku lamak-lamak tok  
Aku mohon gilak Redha ngan RahmatMu  
Matikan aku tok dalam husnul khatimah  
Ku mohon bena bahgia abadi mun dah lepas  
Malam Tok.

~Ebulwardy La Udding~

## *Renyai Dalam Hujan*

Berdiri itu sesuatu...  
Perlahan itu penentu  
Bukan berdiri pada perlahan  
Tapi perlahan tatkala berdiri  
Lalu tetap.

Harapan itu masih...  
Bukan merintih pada kekasih  
Sia-sia bukan terpilih  
Kerna renyai itu ada  
Hilang dalam hujan menimpa.

Tunggulah esok...  
Kiranya masih ada  
Mentari buka tabir siangnya  
Insan buka kelopak matanya  
Yang tinggal tersisa  
Pada umurnya.

Rahmat kehidupan...  
Untuk bekalan penentu  
Ungkapku bukan khayalan  
Malam kian hilang  
Soalan perlu jawaban.

Berdirikah sendiri..  
Bersama harapan esok..  
Tanpa jemu mendamba rahmatNya..  
Atau tinggal titisan  
Renyai dalam hujan.

~Abu Khawlah~

## *Jasa Yang Terbelia*

Tersingkap waktu terlerai satu rasa  
Tanpa ada kepalsuan pada lontaran suara  
Ku persembahkan alunan kata bicara  
Menyatakan erti setiap jasa dibela.

Ketika ada yang menangis, apakah perlu ada tawa  
Mengalirkan airmata biar dari lubuk jiwa  
Mengarah suatu kesinambungan perjuangan  
Berat terasa, namun digalas jua.

Sabtu tahun bakti berterusan  
Tiada gantian pada nama dan pengorbanan  
Bisakah dibalas pada ilmu disemai dalam diri insan  
Atau seakan gelas penuh tercurah  
Tiada makna dan harapan.

Manusia berbicara, Penguasa Rabbul Jalil penentu  
hikmah dan pahala  
Kenapa mengandai pada kelemahan yang tertempa  
Biar manusia tetap manusia  
Kebaktian agama pasti punya harga  
Menjadi rahsia Pencipta.

Saujana waktu masih berdiri antara laut dan pantai  
Membawa gelora dan ruang bertindih dalam  
kepasrahan  
Doa dilafaz bersama kekal keyakinan  
Perjalanan tawakkal kian memanjang  
Manis ke satu permulaan.

Kami yang masih di sini  
Bersama warna bayang-bayang  
Melontar kejauhan malam dan siang  
Pada destinasi bersimpang siur  
Mengasak jiwa untuk bersyukur.

Selamat kami hulurkan..  
pada tiap jasa dan keikhlasan  
Biar seandainya berkumpul manusia mengiyakan  
Biar seandainya berkumpul manusia menafikan  
Tuluskan hati bersama acuan warisan dari Utusan Ilahi  
Penentu hakikat yang hakiki.

~Ebulwardy La Udding~



# *Setulus Hati...*

## **Pegawai Yang Menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**

Oleh: Ustaz Haji Ahmad Zambri Shah Bin Mohd Jeman

Pejabat Mufti Negeri Sarawak mengucapkan tahniah kepada warga kerjanya yang telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)



**Puan Dzuridah  
binti Haji Sariee  
Setiausaha Pejabat (N27)**  
Penerima Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang  
(APC) pada tahun 2004



**Ustazah Dalima binti  
Bujang  
Pembantu Hal Ehwal  
Islam (S17)**  
Penerima Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang  
(APC) pada tahun 2008



**Puan Noor Haslina binti  
Haji Sudin  
Pembantu Tadbir (N17)**  
Penerima Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang  
(APC) pada tahun 2005



**Ustaz Haji Mohd  
Syarifuddin bin Haji  
Abdul Kadir  
Pegawai Hal Ehwal Islam  
(S41)**  
Penerima Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang  
(APC) pada tahun 2009



**Ustazah Norsinah binti  
Tompeng  
Penolong Pegawai Hal  
Ehwal Islam (S27)**  
Penerima Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang  
(APC) pada tahun 2006 &  
2007




**Encik Abdul Rahim bin  
Mohammad  
Pemandu Kenderaan  
Bermotor (R3)**  
Penerima Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang  
(APC) pada tahun 2010




**Ustaz Haji Ahmad Zambri Shah bin Mohamad Jeman  
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S27)**  
Sekalung Tahniah buat Ustaz Haji Ahmad Zambri Shah yang  
telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Terpuji (PPT). Majlis  
penganugerahan tersebut telah berlangsung di Astana Negeri  
Sarawak pada 9 Februari 2012.

# buku-buku terbitan PMNS...



Buku "**Indahnya Ramadhan al-Mubarak**" dihasilkan untuk menjadi rujukan secara ringkas kepada pembaca berkaitan dengan perkara-perkara puasa di bulan Ramadhan yang merupakan ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim yang mukallaf. Semoga dengan terbitnya buku ini dapat menjadi panduan bagi kita untuk melaksanakan ibadah ini dengan sempurna dan seikhlasnya. Insya-Allah kita akan dapat merasai betapa manis dan indahnya ibadah puasa di bulan Ramadhan Al-Mubarak.

Buku "**Indahnya Syawal**" ini dihasilkan bagi memberikan maklumat beserta dengan himpunan perkara-perkara yang berkaitan Syawal dari segi sejarah sambutan, pengertian, solat Aidilfitri, khutbah raya, adab-adab dan sebagainya. Istimewanya dalam buku ini terdapat manual Aidilfitri sebagai panduan dan rujukan. Mudah-mudahan ijazah taqwa yang kita perolehi dalam bulan ramadhan yang lepas akan terus menjadi benteng kekuatan kita menghadapi apa jua cabaran yang mendatang.



**"Panduan Hibah dan Wasiat"** yang dihasilkan ini merupakan sebuah buku yang disusun khas mengenai pemberian harta orang Islam kepada orang bukan Islam dan sebaliknya. Ia menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kaedah pembahagian dan pemberian harta selain kaedah pewarisan harta pusaka (faraid).

Semoga dengan terbitnya buku ini dapat menjadi panduan kita dalam menguruskan harta dengan lebih baik dan dipermudahkan.

# Sidang Redaksi...



**Duduk dari kiri :** Ustaz Haji Faizal bin Abdullah, Ustaz Haji Razalie bin Haji Hussaini, Ustaz Mual bin Haji Suaud, Sahibus Samahah Tuan Haji Kipli bin Haji Yassin, Ustaz Haji Mohd. Ibrahim bin Haji Usop, Ustaz Haji Mohammad Syarifuddin bin Abdul Kadir dan Ustaz Haji Mohammad Fauzi bin Hairani.

**Berdiri dari kiri :** Puan Rose binti Abdul Kadir, Ustazah Radiyah binti Affandi, Ustazah Razimah binti Ahmad, Ustazah Dalima binti Bujang, Ustazah Norsinah binti Tompeng, Puan Hasnah binti Haji Morsidi, Puan Dzuridah binti Haji Sariee, Puan Noor Haslina binti Hj. Sudin, Encik Awang Zaim Hamidi bin Wahidi, Ustaz Mohamad Ujian bin Seman, Ustaz Abdul Karim bin Drahman dan Ustaz Haji Ahmad Zambri Shah bin Mohd Jeman.

## Tahukah Anda ?

Istiwa' utama matahari merupakan fenomena di mana matahari akan berada tepat di titik zenit (ghayah) ketika Istiwa' (matahari berada tepat di atas ka'abah). Peristiwa ini akan berlaku dua kali dalam setahun iaitu pada 28 Mei pukul 5.16 petang dan pada 16 Julai pukul 5.28 petang kecuali pada tahun lompat (bulan Februari ada 29 hari) maka ia akan berlaku pada 27 Mei pukul 5.16 petang dan pada 15 Julai pukul 5.28 petang, apabila nilai sudut Istiwa' matahari (mel syams) akan bersamaan dengan nilai latitud Mekah, di mana Kaabah terletak. Apabila Istiwa' utama matahari berlaku, bayang objek tegak di tempat lain akan menunjukkan arah ke Kaabah. Fenomena ini merupakan kaedah tradisional falak untuk menyemak dan menentukan arah kiblat dari tempat-tempat lain di muka bumi.



**PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK**  
**Aras Enam, Bangunan Mahkamah Syariah**  
**(Anjung Kanan), Jalan Satok**  
**93400 Kuching, Sarawak**

**Tel. : 082-243 173 Faks : 082-243 172**  
**Portal Rasmi : [www.muftinegeri.sarawak.gov.my](http://www.muftinegeri.sarawak.gov.my)**